

Bil. S 4



PERISYTIHARAN ZON EKONOMI EKSKLUSIF



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, Tuhan Seru Sekalian Alam, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

BAHAWASANYA Beta berhasrat hendak memudahkan pembangunan yang bijaksana dan penggunaan laut berdampingan dengan pantai kita, selaras dengan undang-undang antarabangsa, dan

BAHAWASANYA penubuhan Zon Ekonomi Eksklusif oleh Negara Brunei Darussalam akan menyumbang kepada maksud tersebut ;

SEKARANG, DARI ITU, Beta, **SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN**, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya, menurut segala kuasa yang membolehkan Beta bagi maksud tersebut sukacita mengisytiharkan dan adalah dengan ini diisytiharkan seperti berikut :

Perkara 1

Gelaran

Perisytiharan ini boleh digelar sebagai Perisytiharan Zon Ekonomi Eksklusif.

Perkara 2

Zon Ekonomi Eksklusif

Hak-hak kedaulatan dan bidang kuasa Negara Brunei Darussalam hendaklah dijalankan di dalam Zon Ekonomi Eksklusif, sebagaimana yang diperihalkan dalam Perisytiharan ini.

Perkara 3

Perihal Zon

Zon Ekonomi Eksklusif adalah suatu zon yang berdampingan dengan laut wilayah Negara Brunei Darussalam.

Perkara 4

Sempadan-Sempadan Zon

Sempadan-sempadan zon ini adalah :

- sempadan luar yang mengandungi garis sejauh 200 batu dari garis pangkal yang darinya lebar laut wilayah Brunei diukur ;
- sempadan sisi yang bersempadankan wilayah Sabah, yang mengandungi sempadan yang sama sebagaimana yang telah diisytiharkan bagi pelantar benua North Borneo oleh Order-in-Council bertarikh 11 September, 1958 (S. 1 1958 Bil. 1517) tetapi berterusan sehingga had 200 batu dengan garis lurus ;

- sempadan sisi yang bersempadankan wilayah Sarawak, yang mengandungi sempadan yang sama sebagaimana yang telah diisytiharkan bagi pelantar benua Sarawak oleh Order-in-Council bertarikh 11 September, 1958 (S. 1 1958 Bil. 1518) tetapi berterusan sehingga had 200 batu dengan garis lurus ;

Perkara 5

Peta Berukuran Besar

Sempadan-sempadan yang ditunjukkan dalam perkara 4 dilukiskan dalam peta berukuran besar Series : Misc. Edition : JUAB Sheet yang di simpan di Pejabat Juruukur Agung.

Perkara 6

Perubahan Sempadan

Sempadan-sempadan zon ini boleh dari masa ke semasa, diubah jika perlu untuk menguatkuasakan sebarang perjanjian antarabangsa yang dibuat oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Perkara 7

Hak-Hak di dalam Zon

Di dalam zon ini Negara Brunei Darussalam mempunyai, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang antarabangsa,

- (a) hak-hak kedaulatan bagi maksud menjelajah, mengeksploit, memelihara dan mengurus sumber alam, baik hidupan mahupun bukan hidupan, dari dasar laut dan tanah bawah dan perairan superjasean,
- (b) bidang kuasa berkenaan dengan penubuhan dan penggunaan pulau buatan, loji dan struktur,
- (c) bidang kuasa untuk membenarkan dan mengawal penyelidikan saintifik laut,
- (d) bidang kuasa untuk melindungi dan memelihara alam sekitar laut.

Perkara 8

Perundangan

Undang-undang yang memperuntukkan dan mengawal selia perjalanan hak-hak dan bidang kuasa yang dinyatakan satu persatu dalam Perkara 5 hendaklah diperbuat apabila perlu dari masa ke semasa.

Perkara 9

Pengecualian

Tiada sebarang apapun yang terkandung dalam Perisytiharan ini boleh menyentuh atau menyekat hak-hak yang dinikmati oleh Negara Brunei Darussalam menurut undang-undang antarabangsa ke atas kawasan-kawasan pelantar benua meluas melampaui sempadan-sempadan zon ekonomi eksklusif ini.

Demikianlah Perisytiharan Zon Ekonomi Eksklusif.

Barang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala Malikul Muluk dan diberkati Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasalam akan Perisytiharan ini, buat selama-lamanya, Amin Ya Rabbul Alamin.

Diperbuat di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada hari ini 30 haribulan Muharram tahun Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Empat Belas bersamaan dengan hitungan Masihi 20 haribulan Julai Seribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Tiga iaitu tahun ke dua puluh enam Beta di atas takhta Kerajaan.